

مسلمین

MÜSLIMIN

Surat Berita Hal Ehwal Ugama



Keluaran: Kementerian Hal Ehwal Ugama
Terbitan: Pusat Da'wah Islamiah



فوجة دعوه اسلاميه
جورد دعوه اسلاميه
ISLAMIC DA'WAH CENTRE

DISEMBER 2022M

Jamadilawal - Jamadilakhir 1444H
Tahun 34 • Bil 12



BERITA UTAMA

MALAM MUNAJAT ANJURAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

»3

Program Al-Wa'yu 'Bahaya Kefahaman Ekstrem dan Pengganasan' "Tangani Ekstremis Melampau Secara Komprehensif"

8

Malam Munajat Khas Wanita

10-11

28 Sertai Bengkel Hubbul Qur'an

12

Kunjungan Muhibbah dan Peletakan Sudut Bacaan di Rumah Panjang Kampong Melayan

13

Majlis Penyerahan Agihan Zakat Modal Peralatan Berusaha

14

Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Bengkel Pengucapan Umum

15

Peluang Mempraktikkan Cara Berdakwah Secara Terbuka

20



Forum Belia Masjid Senegara Tahun 2022

Forum bertujuan untuk memberikan pengajaran dan pendidikan ke arah pembentukan akhlak yang sempurna kepada anak-anak sedari kecil lagi.

6



Negara Brunei Darussalam - Arab Saudi Bincang Kuota Haji 1444H / 2023M

Mesyuarat berkenaan membincangkan mengenai kuota jemaah haji Negara Brunei Darussalam bagi musim haji tahun 1444H / 2023M, pengangkutan dan penginapan di Arafah dan Mina, serta peraturan-peraturan.

7



Konferensi Islam Asean Ke-Dua Di Bali, Indonesia

Konferensi bertujuan untuk mengeratkan hubungan dan dakwah terutama negara-negara di rantau ASEAN.

9



Zikir
Harian



Allah Maha Besar

FADHILATNYA:
Ditinggikan darjatnya oleh
Allah Subhanahu wa Ta'alaa.

MUHASABAH DAN BERSYUKUR

Seorang muslim yang hebat adalah mereka yang dapat mempertingkatkan kualiti diri mereka dari masa ke semasa. Justeru mengakhiri tahun 2022 Masihi ini, kita muhasabah diri serta renungkan kelemahan yang telah dilakukan sebelum ini seterusnya menginsafi kekurangan tersebut. Saiyidina 'Umar al-Khattab pernah berpesan:

Hitunglah diri kamu sebelum kamu dihitung, timbanglah amalanmu sendiri sebelum ia ditimbangkan untukmu, dan bersedia lah untuk hari pembentangan amal yang besar, sesungguhnya hisab pada hari kiamat menjadi ringan bagi sesiapa yang melakukan muhasabah diri di dunia ini.

Oleh itu, mulakanlah tahun baru yang bakal tiba ini dengan semangat dan jiwa yang penuh tawadhu' serta berusaha mempertingkatkan kualiti diri untuk mendapat keredhaan Allah Subhanahu wa Ta'alaa. Lafazkan kesyukuran kerana masih lagi dipanjangkan umur untuk kita terus memahami kepentingan hidup ini sebagai satu ibadah dan kita masih dapat meneruskan tugas rutin harian sebagai ibu bapa, anak, pelajar, pendidik dan sebagainya.

Semoga kehadiran tahun baru 2023 Masihi nanti membawa pengertian yang cukup besar bagi diri kita dengan mencetuskan rasa ingin berubah dari kelemahan kepada kekuatan yang lebih bermanfa'at. *Insya Allah...*

**Anggota
Redaksi**



PENASIHAT: Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah • **PENOLONG PENASIHAT:** Abd. Aziz bin Haji Abd. Kahar, Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah • **KETUA PENERBIT:** Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan • **PENOLONG KETUA PENERBIT:** Hajah Suriati binti Haji Ahmed, Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan [Pemasaran] • **PENYELARAS:** Qairunnisa binti Haji Jalil • Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim • Mohamad Zelihan bin Ahad • Dahlan bin Chuchu • Azizah binti Hidup • Suriati binti Haji Ali Hussin • Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abdul Ghani • Hazey Suzainah binti Shaya • **PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK:** Mohamad Zelihan bin Ahad • **PEMBAHAGI MAJALAH:** Pg. Md Rafiuddin bin Pg. Hj Badaruddin • Nurul Nabilah binti Masri • **GAMBAR:** Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan •

| Lidah Pengarang |



MALAM MUNAJAT ANJURAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Oleh : Qairunnisa Haji Jalil



PENYERTAAN daripada 197 buah masjid termasuk surau dan balai ibadat seluruh negara, serta warga Kementerian Hal Ehwal Ugama beserta keluarga dari kediaman masing-masing.

Bandar Seri Begawan, Sabtu, 17 Jamadilawal bersamaan 10 Disember

- Malam Munajat Anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali ke-65 diteruskan lagi dengan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an, berdoa, berzikir dan beristighfar, semata-mata untuk memohon keampunan, perlindungan, rahmat dan keredhaan Allah Subhanahu wa Ta'alaa. Malam Munajat berkenaan mengajak orang ramai berdoa agar rakyat dan Negara Brunei Darussalam sentiasa terpelihara dari sebarang musibah yang tidak diingini dan berjaya membendung penularan penyakit merbahaya seperti COVID-19.

Acara berkenaan disertai oleh jemaah daripada 97 buah masjid termasuk surau dan balai ibadat seluruh negara, serta warga Kementerian Hal Ehwal Ugama beserta keluarga dari kediaman masing-masing.

Malam Munajat tersebut mempelawa beberapa tetamu khas kalangan ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Bengkungor dan Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar; para belia Masjid Kampong Bengkungor ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Utama Mohammad Salleh serta kakitangan dan para pelajar Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal; dan juga pegawai-pegawai dan kakitangan Sekolah Arab Temburong.

Yang Mulia Dato Paduka Dr. Awang Haji Ismail bin Haji Duraman, Penasihat Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Bengkungor, memulakan acara dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah dari Masjid Kampong Bengkungor.

Seterusnya bacaan surah Yasin beramai-ramai dipimpin oleh Yang Mulia Awangku Muhammad Waie Wazirrudin Shah bin Pengiran Salahuddin, Pelajar HNTec in Hospitality in Travel and Tourism bersama kakitangan dan para pelajar Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal dari Surau Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal. Disusuli dengan bacaan Doa Munajat oleh Yang Mulia Awang Morsidi bin Haji Tuah, Guru Besar Sekolah Arab Temburong, Jabatan Pengajian Islam dari Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Antara initipati tazkirah bertajuk 'Menjaga Kesihatan Dalam Pengambilan Makanan' itu adalah mengenai kewajipan kita untuk menjaga kesihatan diri sendiri, keluarga dan masyarakat kerana tanpanya ni'mat hidup akan berkurangan. Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda diriwayatkan oleh Ibnu Majah, yang maksudnya: "Dari Abu Bakar Radhiallahu 'anhu, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: Mintalah kepada Allah kesihatan dan kesejahteraan, kerana sesungguhnya tidak ada perkara yang lebih baik daripada kesihatan yang diberikan kepada seseorang selepas iman."

Tazkirah berkenaan disampaikan oleh Yang Mulia Pengiran Fakhrul Syakirin bin Pengiran Haji Zainuddin, Guru Ugama Terlatih, Jabatanarah Agama ABDB, Kementerian Pertahanan dari Masjid Kampong Bengkungor.

Menurutnya sebahagian orang masih ada yang tidak mengambil endah untuk menjaga pemakanan, malah ada yang berkata "jangan watir ubat ada...". Ini jelas bercanggah dengan perintah Allah Subhanahu wa Ta'alaa agar kita tidak melakukan sesuatu yang mendatangkan mudharat kepada diri ms. 4

«**3** ms. sendiri, sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah al-Baqarah ayat 195 yang mafhumnya: "dan janganlah kamu mengajak menjerumuskan diri kamu sendiri ke dalam kebinasaan..."

Sebelum mengakhiri majlis, bacaan Shalawat Tafrijiyah dipimpin oleh Yang Mulia Awang Muhammad Danish Ahsanuddin bin Jamil, Belia Masjid Kampong Bengkong dari Masjid Kampong Bengkong.

Bagi memberkati acara, Bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Yang Mulia Awang Mohammad Zahid Zakwan @ Mohammad Thaib Hasbullah bin Mohd. Said, Pegawai Hal Ehwal Masjid, dari Masjid Kampong Bengkong.



MALAM Munajat KHEU turut diserikan dengan penyertaan secara maya daripada rombongan Program Lawatan Kerja Muhibbah ke Putussibau, Kabupaten Kapuas Hulu, Kalimantan Barat, Indonesia bersama para jemaah Masjid Agung Darunnajah, Indonesia.

Malam Munajat Anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-66 diteruskan lagi pada hari Sabtu, 24 Jamadilakhir bersamaan 17 Disember. Acara munajat tersebut mengundang tetamu khas iaitu Yang Mulia Awang Misle bin Haji Abdul Karim, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang turut mengepalai bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah. Selain itu, turut diundang termasuk kalangan ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Ar-Rahman, Kampong Tanjong Bunut; ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Perpindahan Mata-Mata Gadong; serta kakitangan dan para pelajar IBTE Kampus Sultan Bolkiah, Seria.

Malam Munajat berkenaan juga turut diserikan oleh penyertaan secara maya daripada rombongan Program Lawatan Kerja Muhibbah Pusat Da'wah Islamiah (PDI) ke Putussibau, Kabupaten Kapuas Hulu, Kalimantan Barat, Indonesia, diketuai oleh Yang Mulia Pengiran Haji Jufri bin Pengiran Haji Hidop, Ketua Bahagian Pembangunan Muallaf, PDI, bersama para Jemaah Masjid Agung Darunnajah, Putussibau, Kabupaten Kapuas Hulu, Kalimantan Barat, Indonesia. Turut menyertai adalah para Jemaah dari 98 buah masjid termasuk surau dan balai ibadat seluruh negara, serta warga KHEU berserta keluarga dari kediaman masing-masing.

Sejurus selepas bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah, disusuli dengan bacaan surah Yasin beramai-ramai dipimpin oleh Yang Mulia Awang Muhammad Qamarul Hamizan bin Minor Absah, Mahasiswa Higher National Technical Education Certificate IT bersama kakitangan dan para pelajar IBTE Kampus Sultan Bolkiah Seria dari Surau IBTE, Kampus Sultan Bolkiah Seria.

Manakala, tazkirah yang bertajuk 'Sampai bila macam an?' disampaikan oleh Yang Mulia Awang Mohammad Nasith bin Superi, Pegawai Ugama PDI dari Masjid Kampong Perpindahan Mata-Mata, Gadong. Tazkirah beliau menyentuh mengenai muhasabah diri iaitu menilai dan memperbaiki akan kesilapan dan apa juar kekurangan diri kita sendiri sebelum ini.

Acara diteruskan dengan bacaan Doa Munajat oleh Yang Mulia Pengiran Hasinol Zamri bin Pengiran Haji Piut, Guru Besar Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan. Sebelum mengakhiri majlis, bacaan Asma'u'l Husna dipimpin oleh Yang Mulia Awang Mohammad Iman bin Haji Ibrahim, Badan Sukarelawan Belia Da'e, Urusetia Program Keugamaan Belia, PDI.

Bagi memberkati acara, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Yang Mulia Awang Saufi bin Haji Suhaini, Pegawai Hal Ehwal Masjid, KHEU, dari Masjid Ar-Rahman, Kampong Tanjong Bunut.



ANTARA yang menghadiri Malam Munajat KHEU kali ke-67 secara maya adalah Menteri dan Timbalan Menteri KHEU.

Manakala pada Hari Sabtu, 1 Jamadilakhir bersamaan 24 Disember, Malam Munajat Anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-67 diteruskan lagi dengan menampilkan tazkirah bertajuk 'Menghadirkan Sifat Sabar dan Syukur' yang disampaikan oleh Yang Mulia Awang Ahmad Ahyad bin Haji Amynoor, Da'e Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, KHEU. Tazkirah berkenaan disampaikan dari Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampong Jangsak.

Antara kandungan dalam tazkirah tersebut adalah sifat sabar dan syukur merupakan antara sifat terpuji yang sepatutnya dimiliki oleh setiap mu'min. Terdapat banyak nash-nash Al-Qur'an dan Sunnah Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam yang menunjukkan kepada perintah untuk bersabar ketika menghadapi musibah, dan bersyukur ketika menerima ni'mat. Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam dalam sebuah hadits baginda yang menghubung-kaitkan antara iman kepada Allah, sifat sabar, dan sifat syukur; iaitu rahsia untuk menghadirkan kedua sifat tersebut ada pada keimanan dan pengetahuan kita akan kekuasaan dan pemilikan Allah Ta'ala ke atas sekalian alam semesta.

Acara munajat tersebut turut mengundang tetamu khas, Yang Dimuliakan Pehin Dato Pekerman Jaya Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Mohd Tawih bin Abdullah, Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Perpindahan Serasa yang mengepalai bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah, dari Masjid Kampong Perpindahan Serasa. Juga menyertai acara, ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Perpindahan Serasa, ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Omar Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, dan ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampong Jangsak serta kakitangan dan para pelajar IBTE Kampus Mekanikal, Kampong Tungku, Gadong.

Acara turut disemarakkan oleh para jemaah daripada 102 buah masjid termasuk surau dan balai ibadat seluruh negara, serta warga KHEU berserta keluarga dari kediaman masing-masing.

FORUM BELIA MASJID SENEGARA TAHUN 2022

Oleh : Dahlan Chuchu



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan hadir selaku tetamu kehormat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 17 Jamadilawal bersamaan 11 Disember - Masalah sosial secara umumnya adalah sesuatu yang berkaitan dengan masyarakat yang memerlukan perhatian dan komitmen seluruh anggota masyarakat untuk mencari jalan penyelesaian.

Oleh itu, sangatlah penting bagi para ibu bapa dan penjaga serta pihak yang bertanggungjawab di dalam masyarakat mengambil peranan sebagai pembentuk kemuliaan akhlak dan moral anak bangsa.

Perkara tersebut adalah antara penekanan Forum Belia Masjid Senegara Tahun 2022 bertajuk 'Pembentukan Jati Diri di Kalangan Belia' yang dikelolakan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Unit Belia, Bahagian Imarah, dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Kerja Tertinggi Kumpulan Belia dan Beliawansis Masjid Senegara sesi 2022/2024. Forum berkenaan diadakan bersempena Pesta Disember Brunei (BDF) 2022, telah berlangsung di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampong Sungai Akar.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara tersebut, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Forum disampaikan oleh dua ahli panel jemputan iaitu Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame 'Asr Hassanal Bolkiah, Pengiran Ahmad Faris Ramadhan bin Pengiran Haji Sellahuddin; dan Daie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Mohammed Khairul Mu'az bin Haji Sibodaud manakala moderator forum ialah Pegawai Pelajaran, Awang Haji Mawaridi bin Dr. Haji Morshidi.

Antara yang disentuh oleh para ahli panel juga ialah peringkat usia belia adalah peringkat yang dikurniakan kekuatan akal dan tenaga yang boleh disalurkan untuk bergerak maju.

Namun, pada zaman sekarang yang semakin canggih dan hampir kesemua orang memiliki gajet dan media sosial yang berleluasa, ibu bapa berperanan untuk memantau pergerakan anak-anak, kerana jika tidak ada kawalan, ia boleh merosakkan minda anak-anak.

Untuk itu, adalah perlu untuk para belia menguatkan dan memperteguh akidah dengan iman di samping mengamalkan dan menjaga kesihatan mental dan fizikal diri masing-masing.

Selain itu, para belia juga harus bijak mengisi masa dengan aktiviti berfaedah dan menyertai program-program yang berguna ke arah pembentukan jati diri.

Forum tersebut diadakan bertujuan untuk memberi peluang kepada para belia dan beliawansis masjid supaya dapat berkumpul dan beramah mesra bersama pemimpin dan mengajak untuk sama-sama melahirkan generasi dalam pembentukan jati diri yang sihat.

Selain itu, memberi peluang kepada para ibu bapa turut serta mendengar dan memantau kegiatan anak-anak mereka.

Ia juga untuk memberi kesedaran betapa pentingnya mencapai kejayaan hidup di samping mendidik para peserta agar sentiasa melibatkan diri dengan aktiviti yang sihat dan berfaedah.

Majlis seumpama ini juga diharapkan akan dapat memberikan pengajaran dan pendidikan ke arah pembentukan akhlak yang sempurna kepada anak-anak sedari kecil lagi. ■

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM - ARAB SAUDI BINCANG KUOTA HAJI 1444H / 2023M

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



YANG Mulia Haji Mohd Serudin bin Haji Timbang, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa menghadiri mesyuarat secara dalam talian berkenaan.

BERAKAS, Selasa, 3 Jamadilakhir bersamaan 27 Disember

- Mesyuarat Pengurusan Hal Ehwal Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam bagi musim haji tahun 1444H / 2023M telah diadakan buat julung-julung kalinya antara Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam bersama Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi secara atas talian.

Mewakili Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pada mesyuarat tersebut ialah Yang Mulia Haji Mohd Serudin bin Haji Timbang, Pemangku Setiausaha Tetap KHEU; Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Awang Haji Yusof bin Ismail, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi; Yang Mulia Haji Abdullah bin Haji Mohamad, Pengarah Urusan Haji; dan Yang Mulia Haji Muhammad Izzuddin bin Haji Abd. Rani, Penolong Pegawai Ugama, Jabatan Urusan Haji.



PROGRAM AL-WA'YU 'BAHAYA KEFAHAMAN EKSTREM DAN PENGGANASAN' "TANGANI EKSTREMIS MELAMPAU SECARA KOMPREHENSIF"

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



PROGRAM disampaikan oleh dua orang fasilitator iaitu Yang Mulia Awang Haji Saharuddin bin Haji Petra dan Yang Mulia Awangku Muhammad Muzhaffar bin Pengiran Haji Rusidi.

BELAIT, Khamis, 7 Jamadilawal bersamaan 1 Disember -

Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Perancangan dan Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pentadbiran dengan kerjasama Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama (KAFA) meneruskan siri Kursus Program Al-Wa'yu (Kesedaran) 'Bahaya Kefahaman Ekstrem dan Pengganasan' bertempat di Dewan Teater Tingkat I, Learning Development Centre (LDC), Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait. Program tersebut mensasarkan para pegawai dan kakitangan di bawah Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait.

Program Al-Wa'yu 'Bahaya Kefahaman Ekstrem dan Pengganasan' diadakan adalah sebagai perisai bagi pencegahan dari sebarang anasir yang berkaitan dengan kefahaman ekstrem dan pengganasan di Negara Brunei Darussalam, sekali gus sebagai salah

satu kaedah untuk menangani isu dan cabaran, terutamanya yang berkaitan dengan pandangan hidup, pemikiran serta tingkah laku yang tidak diingini. Program ini juga merupakan keperluan kursus bagi mendokong Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2020-2024.

Turut hadir adalah Yang Mulia Awang Mohamad Aliyani bin Ismail, Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait. Program berkenaan telah disampaikan oleh dua orang fasilitator iaitu Yang Mulia Awang Haji Saharuddin bin Haji Petra selaku Ketua Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama (KAFA) dan Yang Mulia Awangku Muhammad Muzhaffar bin Pengiran Haji Rusidi, Pegawai Penyelidik di Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama (KAFA).



TURUT hadir adalah Yang Mulia Awang Mohamad Aliyani bin Ismail, Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait.

KONFERENSI ISLAM ASEAN KE-DUA DI BALI, INDONESIA

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad



KONFERENSI Islam ASEAN Ke-2 berlangsung selama tiga hari di Hotel Hilton Bali, Indonesia.

BALI, INDONESIA, Sabtu, 29 Jamadilawal bersamaan 23 Disember -

Dua orang pegawai dari Negara Brunei Darussalam telah menghadiri Konferensi Islam ASEAN Ke-2 bertempat di Hotel Hilton Bali, Indonesia. Konferensi berkenaan diadakan selama tiga hari iaitu dari 21 hingga 23 Disember 2022.

Konferensi yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan dan dakwah terutama negara-negara di rantau ASEAN itu adalah anjuran bersama antara Kementerian Agama Republik Indonesia dan Kementerian Urusan Islam, Dakwah dan Kaunseling Arab Saudi.



PESERTA dari Negara Brunei Darussalam menghadiri konferensi berkenaan.

Konferensi berkenaan membawa tema 'Khairu Ummah (umat terbaik)' dan antara agenda yang dimuatkan termasuk moderasi beragama dan penolakan terhadap ekstremisme.

Peserta dari Negara Brunei Darussalam terdiri daripada delegasi Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu Muhammad Yusof bin Abdul Majid, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama dan Mohammad Nasith bin Superi, Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah. Peserta-peserta di konferensi tersebut berpeluang membentangkan kertas kerja dalam bidang ideologi ekstremisme dari sudut kefahaman dan aqidah secara umum dalam berugama.

Konferensi telah dihadiri oleh lebih kurang 140 orang peserta itu dan telah dirasmikan oleh Naib Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Ma'ruf Amin.

MALAM MUNAJAT KHAS WANITA MENEKANKAN MENGENAI ‘KEBERKAHAN MASA’

Oleh : Qairunnisa Haji Jalil



TURUT menyertai Malam Munajat Anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-64 (Khas Untuk Wanita Ke-6) adalah Isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Dayang Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 10 Jamadilawal bersamaan 3 Disember

Disember – Kaum wanita di negara ini berperanan sangat penting bukan sahaja menggalas tanggungjawab memastikan kesejahteraan keluarga dan masyarakat serta kejayaan pembangunan negara malahan juga begitu aktif dalam aktiviti berbentuk kerohanian sebagai wadah untuk mengukuhkan keimanan, menguatkan aqidah dan ketakwaan bertujuan semata-mata mengharapkan keredhaan Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Justeru, Malam Munajat Anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-64 (Khas untuk Wanita Ke-6) menampilkan lagi penyertaan kaum wanita khususnya termasuk mengundang beberapa tetamu khas kalangan guru-guru ugama terlatih dan tenaga-tenaga pembimbing Kelas Bimbingan Muslimah iaitu dari Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait; Masjid Sultan Sharif Ali, Kampong Sengkurong; Masjid Kampong Keriam, Tutong; Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampong Sengkarai, Tutong; serta Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong.

Malam Munajat berkenaan juga diserikan oleh penyertaan para jemaah muslimah daripada beberapa buah masjid termasuk surau seluruh negara, serta warga kerja wanita Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama ahli keluarga dari kediaman masing-masing.

Yang Mulia Datin Dayang Hajah Rosni binti Haji Tungkat, Ketua Muslimah, Masjid Mohamed Bolkiah, Kampong Serusop, memulakan acara tersebut dengan mengepalai bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah dari Masjid Mohamed Bolkiah, Kampong Serusop.

Seterusnya bacaan surah Yasin beramai-ramai dipimpin oleh Yang Mulia Dayang Nor Fazillah binti Haji Sapar, Guru Ugama Terlatih, Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait, yang juga selaku Tenaga Pembimbing Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait dari Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Ini diikuti dengan bacaan Doa Munajat oleh Yang Mulia Dayang Atikah@Fatin binti Abd. Khalid,

Tenaga Pembimbing Kelas Bimbingan Muslimah, Masjid Sultan Sharif Ali, Kampong Sengkurong dari Masjid Sultan Sharif Ali, Kampong Sengkurong.

Kemudian tazkirah bertajuk “Keberkahan Masa” disampaikan oleh Yang Mulia Dayang Nur Fareeza Syahirah binti Rosli, Tenaga Pembimbing Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Kampong Keriam, Tutong dari Masjid Kampong Keriam, Tutong.

Antara intipati penting di dalam tazkirah tersebut mengingatkan bahawa kita sebagai manusia diberikan Allah Subhanahu wa Ta'ala masa 24 jam sehari sama rata. Tidak lebih dan tidak kurang. Dewasa ini, kita mempunyai banyak tanggungjawab yang patut dilaksanakan sehingga sering mendengar perkataan “aku tidak cukup masa” diungkapkan oleh orang-orang sekeliling.

Namun, kita kurang memerhatikan bahwasanya ada orang yang boleh membuat banyak perkara dalam satu masa. Padahal dia juga mempunyai 24 jam yang sama seperti kita. Ini yang dikatakan sebagai keberkatan masa. Masa yang sempit terasa luas bagi orang yang diberkati masanya oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala. Dan keberkatan masa ini hanya diberikan kepada orang yang Allah kehendaki.

Oleh itu hendaklah kita sebagai seorang mu'min mendahulukan Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam kehidupan kita dan lakukan sehabis baik perbuatan-perbuatan yang direhdai Allah supaya kelak Allah mudahkan urusan kita di dunia ini. Seperti firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam Surah Muhammad ayat 7 yang mafhumnya:

“Wahai orang-orang yang beriman, jika kamu menolong (agama) Allah, Allah akan menolongmu dan meneguhkan kedudukanmu.”

Acara Malam Munajat diteruskan dengan bacaan Shalawat Tafrijiyah dipimpin oleh Yang Mulia Dayang

MALAM MUNAJAT
ANJURAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA KALI KE-64
(KHAS UNTUK WANITA KE-6)

Marilah kita bersama-sama merafa'kan doa agar rakyat dan Negara Brunei Darussalam terselamat dari segala bala bencana dan penyakit merbahaya, khasnya wabak COVID-19.

SURAH YASIN **DOA MUNAJAT** **TAZKIRAH** **ZIKIR**

HARI SABTU
10 JAMADILAWAL 1444H
3 DESEMBER 2022M

SELEPAS SEMBAHYANG FARIDU MAGHRIB

DIBUKAKAN KHAS UNTUK WANITA

PAUTAN KHAS UNTUK WANITA

<http://tiny.cc/munajatkheuwanita>

[@pdi_kheu](https://www.instagram.com/pdi_kheu)

2382525 WWW.KHEU.GOV.BN KHEU.BRUNEI

Rahimah binti Amat Daud, Tenaga Pembimbing Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampong Sengkarai, Tutong, bersama para Muslimah Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampong Sengkarai, Tutong, dari Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampong Sengkarai, Tutong.

Bagi mengakhiri Malam Munajat, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Yang Mulia Dayang Ratina binti Bahar, Guru Ugama Terlatih, Sekolah Ugama Bokok, Temburong selaku Tenaga Pembimbing Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar dari Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong.

Malam Munajat Anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama mengajak orang ramai melipatgandakan amalan sehari dengan membaca ayat-ayat suci al-Qur'an, berdoa, berzikir dan beristighfar, semata-mata untuk memohon keampunan, perlindungan, rahmat dan keredhaan Allah Subhanahu wa Ta'ala. Di samping itu, berdoa agar rakyat dan Negara Brunei Darussalam sentiasa terpelihara dari sebarang musibah yang tidak diingini dan berjaya membendung penularan penyakit merbahaya seperti COVID-19.

Orang ramai dipelawa untuk menyertai Malam Munajat pada setiap hari Sabtu (malam Ahad) dengan melayari pautan <http://tiny.cc/munajatkheu> atau melalui Instagram Pusat Da'wah Islamiah @pdi_kheu. ■

28 SERTAI BENGKEL HUBBUL QUR'AN

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



SESI bergambar ramai bersama tetamu kehormat dan para peserta.

BELAIT, Rabu, 13 Jamadilawal bersamaan 7 Disember

— Seramai 28 orang peserta telah menyertai Bengkel Hubbul Qur'an [Tahsin dan Tadabbur Al-Qur'an] yang berlangsung selama dua hari bermula 6 hingga 7 Disember di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait. Peserta terdiri daripada pegawai dan kakitangan Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait dan para muallaf di Daerah Belait.

Bengkel yang disampaikan oleh Yang Mulia Dayang Juliana @ Siti Shatirah binti Haji Jailani, Pegawai Perkembangan Ugama [I-Ready] Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait dan Yang Mulia Awang Muhammad Nazhium Mustaqim bin Zaini, Tenaga Pengajar Muallaf Sementara, Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait adalah merupakan salah satu projek ilmiyyah anjuran Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait.

Selain objektif untuk melahirkan golongan yang sentiasa menjaga dan menghayati Kalam Allah, matlamat bengkel ini juga diadakan adalah untuk memperelokkan bacaan al-Qur'an khasnya bagi para muallaf dan merupakan salah satu inisiatif dalam meningkatkan kemahiran pembacaan al-Qur'an di kalangan masyarakat. Bengkel ini juga bertujuan

untuk memperkenalkan huruf dan menambah kefahaman mengenai makhraj huruf, sifat serta makna ayat-ayat al-Qur'an. Di samping dapat membaca al-Qur'an dengan betul, bengkel juga diharapkan dapat memupuk dan menghayati Hubbul Qur'an iaitu 'Cinta kepada al-Qur'an' di kalangan peserta.

Majlis Penutup Bengkel Hubbul Qur'an berlangsung pada sebelah petang dengan penyampaian sijil kepada para peserta dan fasilitator bengkel.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil ialah Yang Mulia Ruslan bin Haji Sulaiman, Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah.

Turut hadir, Yang Mulia Mohamad Aliyani bin Ismail, Ketua Pegawai Ugama, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Yang Mulia Dr. Hjh. Rohanita binti Haji Yaakub, Ketua Bahagian Pembangunan Muallaf, dan Yang Mulia Abdul 'Alim bin Abdullah Igol, Yang Di-Pertua Persatuan Sinar Islam [PSI]. ■



FASILITATOR-fasilitator pada bengkel berkennaan.



ANTARA peserta lelaki Bengkel Hubbul Qur'an.

KUNJUNGAN MUHIBBAH DAN PELETAKAN SUDUT BACAAN DI RUMAH PANJANG KAMPONG MELAYAN

Oleh : Azizah Hidup



ROMBONGAN diketuai oleh Yang Mulia Ustaz Ruslan bin Haji Sulaiman, Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah.

BELAIT, Khamis, 7 Jamadilawal bersamaan 1 Disember —

Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Pengembangan Da'wah [Da'wah Khas] dan Bahagian Kajian dan Penerbitan [Perpustakaan] telah mengadakan kunjungan muhibbah ke Rumah Panjang Kampong Melayan, Mukim Bukit Sawat, Daerah Belait.

Kunjungan muhibbah berkenaan adalah antara tugas rutin yang dilaksanakan oleh Pusat Da'wah Islamiah ke kawasan pedalaman di seluruh negara yang bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturrahim antara pegawai-pegawai Pusat Da'wah Islamiah dan para muallaf serta penghuni-penghuni rumah panjang selain peranan dan tanggungjawab Pusat Da'wah Islamiah dalam menyebarkan dakwah serta memberikan kefahaman Islam kepada masyarakat di kawasan pedalaman yang terdiri daripada para muallaf dan bukan beragama Islam (non-muslim).

Rombongan diketuai oleh Yang Mulia Ruslan bin Haji Sulaiman, Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah.

Turut serta, Yang Mulia Mohamad Aliyani bin Ismail, Ketua Pegawai Ugama, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait; Yang Mulia Zikrinaidah binti Haji Mat Dikir, Ketua Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait dan pegawai-pegawai serta kakitangan Pusat Da'wah Islamiah.

Antara pengisian program termasuk peletakan Sudut Bacaan Buku Pusat Da'wah Islamiah di rumah panjang bagi memudahkan para penghuni mendalami ilmu-ilmu ugama di samping melahirkan masyarakat celik ilmu dan berwawasan dalam segenap lapangan. Selain itu, untuk menanamkan minat membaca di kalangan muallaf yang terdiri daripada kanak-kanak, para beliau dan warga emas, serta melazimkan budaya membaca di kalangan penghuni-penghuni rumah panjang di negara ini. ■



PELETAKAN Sudut Bacaan Buku Pusat Da'wah Islamiah di rumah panjang bertujuan untuk memudahkan para penghuni mendalami ilmu-ilmu ugama di samping melahirkan masyarakat celik ilmu dan berwawasan.

MAJLIS PENYERAHAN AGIHAN ZAKAT MODAL PERALATAN BERUSAHA

Oleh : Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani



DAYANG Jurainah binti Haji Abu Bakar menyerahtakan Agihan Zakat Modal kepada penerima.

BELAIT, Sabtu, 16 Jamadilawal bersamaan 10 Disember – Dalam usaha untuk meringankan beban kehidupan Asnaf Fakir Miskin di Negara Brunei Darussalam, Majlis Ugama Islam Brunei telah mengadakan Majlis Penyerahan Agihan Zakat Modal Berusaha yang berlangsung di alamat No. 18, Simpang 41-30, Lot. 144, Jalan Dipa Negara, Kg Mumong, Belait.

Agihan zakat modal berupa sebuah mesin pemotong rumput (bersikut) telah diserahkan kepada Awang Ali Putra bin Ali Umar. Peralatan tersebut yang berjumlah \$160.00 adalah diambil dari peruntukan Kumpulan Wang Zakat Asnaf Fakir Miskin Majlis Ugama Islam Brunei.

Hadir bagi menyempurnakan penyerahan agihan zakat tersebut ialah Yang Mulia Dayang Jurainah binti Haji Abu Bakar, Pemangku Ketua Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat, Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Asnaf Fakir Miskin di negara ini terus mendapat perhatian Majlis Ugama Islam Brunei, justeru, dengan adanya Agihan Zakat Modal Peralatan Berusaha ini diharapkan akan dapat meningkatkan semangat dan usaha para penerima agar berusaha lebih gigih dalam meningkatkan taraf kehidupan kepada yang lebih baik dan sempurna. ■

MAJLIS PENUTUP DAN PENYAMPAIAN SIJIL BENGKEL PENGUCAPAN UMUM

Oleh : Hazey Suzainah Shaya



AWANG Haji Abdul Aziz bin Haji Abdul Ghani menyempurnakan Majlis Penyampaian Sijil Kelas Bimbingan Tarannum Al-Qur'an.

JERUDONG, Ahad, 10 Jamadilawal bersamaan 4 Disember - Seramai 23 peserta terdiri daripada sembilan pelajar lelaki dan 14 pelajar perempuan diraikan pada Majlis Penyampaian Sijil Kelas Bimbingan Tarannum Al-Qur'an, yang berlangsung di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampong Jerudong.

Penyampaian sijil kepada para peserta disempurnakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Abdul Ghani.



ANTARA peserta yang hadir pada majlis berkenaan.

Aturcara dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah beramai-ramai diikuti dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an oleh pelajar-pelajar Kelas Bimbingan Tarannum Al-Qur'an Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampong Jerudong.

Acara kemudiannya diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Majlis antara lain bertujuan sebagai insentif dalam memberikan penghargaan atas penyertaan pelajar-pelajar yang melibatkan diri secara langsung melalui program ini.

Selain dapat membantu pelajar-pelajar untuk meningkatkan kebolehan dan kemahiran dalam seni bacaan al-Qur'an secara berlagu, ia juga bertujuan supaya para pelajar khususnya sentiasa dapat melibatkan dalam apa juar kegiatan mengimarahkan masjid.

Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampong Jerudong memulakan Program Kelas Bimbingan Tarannum Al-Qur'an ini semenjak tahun 2018. Kelas diadakan secara dua sesi setiap tahun, iaitu Januari hingga Jun, tidak termasuk bulan Ramadhan; serta Julai hingga November.

Program ini tetap dijalankan walaupun dalam situasi Pandemik COVID-19 pada tahun 2020/21 hingga pertengahan tahun 2022, di mana ia dilaksanakan secara dalam talian (online). ■

Majlis Pengislaman **DISEMBER** 2022



STATISTIK PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2022



وَإِن كُلْبُوكَ فَقْلٌ عَمَلٌ وَكُلُّ عَمَلٍ كُمَّ أَنْتُمْ بِيَهُونَ مِمَّا أَعْمَلُ وَأَنْبَرَيَّهُ
فَمَا تَعْمَلُونَ

Mafhumnya:

Dan jika mereka mendustakanmu (wahai Nabi Muhammad) maka katakanlah: "Bagiku amalanku, dan bagi kamu amalan kamu. Kamu berlepas diri daripada apa yang aku kerjakan dan aku berlepas daripada apa yang kamu kerjakan."

Surah Yuunus ayat 41

| Features |

DIVINE MAHABBAH

*Love of Allah, for Allah,
by Allah, With Allah*

Sharifah Khadijah Husien Alkaff

Conclusion

Although Allah has created all and everything for man, He has created man only for Himself and He says 'Man is My secret and I am his secret. That secret is a light from the divine light of Allah. It is the centre of the heart, made out of the finest of matter. It is the soul which knows all the secret truths; it is the secret connection between the created one and his Creator. That secret does not love nor lean towards anything other than Allah. There is nothing worthy to wish for, there is no other goal, no other beloved in this world and in the hereafter except Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Loving Allah Subhanahu wa Ta'ala means trusting Him and relying completely on Him. This trust must be constant and unwavering, regardless of the situations we find ourselves in. The following simple story illustrates the importance of remaining steadfast in our faith, our love and our trust in Allah Subhanahu wa Ta'ala.

The Medical Worker

A qualified medical worker emigrated to Canada to live

a better life. This Muslim brother had a beard. He applied to many different places for a job and was called for interviews. Though he was highly qualified for the jobs, the interviewers hesitated to hire him because of his beard. One by one, he was rejected from all the companies. One interviewer actually mentioned to him indirectly that his beard was an obstacle to getting the job. Truly, it was a big test for him from Allah Subhanahu wa Ta'ala. Hopeless and exhausted, the brother decided to remove the obstacle, which was to shave off his beard. Then he returned to that company and requested for another interview. When the interviewer saw him - without a beard this time - he refused to give him the job again. The brother became confused and asked to know the reason. The interviewer said: "If you are not faithful to your God, how will you be faithful to us?"

Truly, Allah Subhanahu wa Ta'ala moves in mysterious ways and since we are too ignorant to understand His Workings, too blind to see His Wisdom, we will do well to believe that He loves us, to simply trust Him and to cling on to that trust no matter how bleak life appears to be.

The Rosebud

One day, a young ustaz was walking with an older ustaz in the garden. Feeling a bit insecure about what Allah had in store for him, the young ustaz asked for some advice. The older ustaz walked up to a rosebush and handed the young ustaz a rosebud and told him to open it without tearing off any petals. The young man looked in disbelief at the older ustaz and was trying to figure out what a rosebud could possibly have to do with his wanting to know what Allah Subhanahu wa Ta'ala had in store for him. But because of his great respect for the older ustaz, he proceeded to try to unfold the rose, while keeping every petal intact. It wasn't long before he realized how impossible this was. Noticing the younger ustaz's inability to unfold the rosebud without tearing it, the older ustaz began to recite the following poem.

*It is only a tiny rosebud,
A flower of Allah's design;
But I cannot unfold the petals
With these clumsy hands of mine.
The secret of unfolding flowers
Is not known to such as I.
ALLAH opens this flower so sweetly,
Then in my hands they die.
If I cannot unfold a rosebud,
This flower of Allah's design,
Then how can I have the wisdom
To unfold this life of mine?
So I'll trust in Allah for leading
Each moment of my day.
I will look to Allah for His guidance
Each step of the way.
The pathway that lies before me,
Only Allah knows.
I'll trust Him to unfold the moments,
Just as He unfolds the rose.*

Remember this simple saying: He Who Kneels To Allah Can Stand Up to Anything.

I'tikaf

نَوْيِتُ الْإِعْتِكَافَ لِلَّهِ تَعَالَى

Maksudnya:
Sahaja aku mengerjakan I'tikaf kerana
Allah Ta'ala

I'tikaf membawa maksud **menetap di dalam masjid** dengan tujuan **qurbah** (mendekatkan diri dengan Allah Subhanahu wa Ta'ala) yang dilakukan oleh seorang **muslim, mumalyiz, berakal dan suci daripada hadats besar**.

Hukumnya adalah sunat pada tiap-tiap waktu dan beri'tikaf pada **sepuluh hari terakhir dalam bulan Ramadhan** adalah **terlebih afdhal** daripada yang lainnya kerana mencari malam **lailatul qadar**.

Beri'tikaf itu hendaklah dipenuhi dengan ibadat seperti **membaca al-Qur'an, berzikir dan bertasbih**.



أسماء الابناء

NAMA ANAK LAKI-LAKI

Haris Ra'if

حارس رئيف

Pelindung, Yang Sangat Pengasih

Hadif Fayyadh

هادف فياض

Yang Mempunyai Matlamat, Sangat Pemurah

'Iz Qisthi

عز قسطي

Kemuliaan, Kehebatan Keadilanku

Nama-Nama
BISAI
untuk anak damit



Daripada Abu Darda', Rasullullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda yang bermaksud:

"Sesungguhnya kamu akan dipanggil pada hari kiamat dengan nama-nama kamu dan nama-nama bapa-bapa kamu. Maka oleh itu Perelokkanlah nama-nama kamu"

(Hadits Riwayat Imam Abu Daud)

أسماء البنات

NAMA ANAK BINI-BINI

'Arifah 'Abqariyyah

عريفة عبقرية

Yang Berpengetahuan
Yang Pintar, Yang Cerdas

Tasnim Aufa

تسنيم أوفى

Mata Air di Syurga,
Yang Lebih Menepati Janji

Sarra' Wahiyah

سراء وهية

Kesenangan, Kegembiraan,
Kemewahan Mutiara



PETIKAN TITAH

KEBAWAH DULU YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
HAJI HASSANAL BOLKIAH
MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN
HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DANYANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA
SAMBUTAN ISRA' DAN MI'RAJ
PERINGKAT NEGARA
TAHUN 1443H / 2022M



'Kubu Membenteng Mungkar'

"Demikian itulah dengan sembahyang. Ia adalah 'kubu' untuk membentengi kita daripada mungkar. Manakala seseorang itu terselamat daripada mungkar, maka itulah harapan tertinggi baginya untuk meraih surga Allah Ta'ala."

Kerana matlamat yang suci inilah, Kerajaan Beta mengambil sikap tegas menyediakan sistem persekolahan 'wajib ugama'. Kerana Beta tidak mahu, walau seorang pun dari rakyat muslim di negara ini yang tidak sembahyang.

Beta akan merasa bahagia, jika semua kita orang Islam menunaikan sembahyang. Kerana Sembahyang adalah Tiang Ugama, jika ia ditinggalkan, bererti kita meroboh ugama..."

Sumber : Facebook Pusat Da'wah Islamiyah



DOA KETIKA MENGUSAP ANAK YATIM

جَرَأَ اللَّهُ يَشْكُ وَجْهَكَ وَجَعَلَكَ خَلَقًا مِنْ أَيْكَ

Terjemahan Doa:
"Semoga Allah menutup keyatimanmu dan menjadikanmu pengganti yang baik dari ayahmu."

KEISTIMEWAAN MENYAYANGI ANAK YATIM

- 1 Mendapat pahala seperti pahala jihad
- 2 Masuk Syurga dengan mudah
- 3 Meraih peluang menjadi teman Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam
- 4 Tanda orang-orang salih atau taat kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala
- 5 Memperolehi perlindungan dari Allah Subhanahu wa Ta'ala dari sekta api neraka
- 6 Melembutkan hati yang keras
- 7 Terpenuhi keperluan hidup

@ PDI_KHEU PUSAT DA'WAH ISLAMIYAH MINDA ISLAMI

ADAB MENYAYANGI ANAK YATIM

Antara adab-adab terhadap anak yatim ialah:

MEMPERLAKUKAN ANAK YATIM DENGAN BAIK DAN SEMPURNA

TIDAK MENGHERDIKNYA

MEMBIAKAI PENDIDIKANNYA

MENYEMPURNAKAN HAK ANAK YATIM UNTUK MENDAPATKAN KEHIDUPAN YANG SELAYAKNYA

TIDAK MEMBELANJAKAN HARTA YANG IA MILIKI DI LUAR TUJUAN KEMASLAHATANNYA

MEMBERIKAN PAKAIAN DAN MAKANAN YANG SELAYAKNYA

TIDAK MENGANIAYAI DAN BERBUAT ZALIM



@ PDI_KHEU PUSAT DA'WAH ISLAMIYAH MINDA ISLAMI

PELUANG MEMPRAKTIKKAN CARA BERDAKWAH SECARA TERBUKA

Oleh : Qairunnisa Haji Jalil



SESI bergambar ramai peserta-peserta dari kedua buah negara.

KALIMANTAN BARAT, Sabtu, 23 Jamadilawal bersamaan 17 Disember

- Seramai sembilan orang peserta terdiri daripada lima orang pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan empat orang muallaf daripada Persatuan Saudara Baru Temburong [PESAT] telah mengadakan Program Lawatan Kerja Muhibbah ke Putussibau, Kabupaten Kapuas Hulu, Kalimantan Barat, Indonesia, selama enam hari yang bermula 14 Disember sehingga 19 Disember 2022. Rombongan diketuai oleh Yang Mulia Pengiran Haji Jufri bin Pengiran Haji Hidop, Pemangku Ketua Bahagian Pengembangan Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah.

Program lawatan muhibbah ini merupakan salah satu inisiatif Pusat Da'wah Islamiah bagi merealisasikan strategi Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2020-2024 "Da'wah Mantap Berkesan" iaitu memantapkan aqidah, ibadah, akhlak dan penghayatan berugama agar para muallaf dapat berdakwah dalam kalangan keluarga mereka yang *non-muslim*.

Antara objektif program ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan kepada warga Pusat Da'wah Islamiah dan para muallaf kepada kemajuan Negara yang akan dilawati khususnya dari aspek kegiatan dakwah yang dilaksanakan. Di samping itu, ianya juga bertujuan untuk menjalinkan kerjasama dalam bidang dakwah sama ada dari aspek pengajaran dan pembelajaran kepada muallaf, perekonomian dan cara-cara berdakwah kepada *non-muslim*.

Sepanjang program enam hari tersebut, rombongan Pusat Da'wah Islamiah dan PESAT mengadakan sesi ta'aruf bersama para muallaf Putussibau di Rumah Adat Melayu Pentas Seni dan menimba pengalaman dalam aspek perekonomian dan bertukar-tukar fikiran bagi memajukan persatuan masing-masing serta meninjau dan belajar mengenai dengan kemajuan dan perkembangan tempat yang dikunjungi.

Program seumpama ini diharap akan dapat memberi peluang kepada para peserta rombongan untuk mempraktikkan cara-cara berdakwah secara terbuka dengan melibatkan para muallaf sendiri untuk berdakwah kepada kaumnya, memandangkan situasi dakwah seperti ini akan memberikan kesan dan impak yang lebih besar. ■